



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 JUN 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	ENSURING AGRICULTURE PRODUCT SUPPLY IS STABLE, NEWS IN BRIEF, NST -13 KPDNHEP, KEMENTERIAN PERTANIAN BEKERJASAMA PANTAU BEKALAN, HARGA BARANG PERTANIAN, UM -ONLINE KERJASAMA KPDNHEP, MAFI PASTIKAN HARGA, BEKALAN STABIL, NEGARA, KOSMO -6 PASTIKAN HARGA BARANGAN PERTANIAN STABIL, NASIONAL, BH -17 PASTIKAN PRODUK TANI STABIL, NASIONAL, SH -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7.	HASIL LAUT KURANG 50%, NEGARA, KOSMO -14 113,200 BENIH IKAN AIR TAWAR DILEPASKAN DI PAHANG, NEGERI, SH -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9. 10. 11. 12.	LKIM REASSURES CONSUMERS THAT FISH SUPPLY REMAINS ADEQUATE, SUPPLEMENT, GUANG MING DAILY -KB4, MALAYSIA HAS ENOUGH MARINE PRODUCTS SUPPLY, NATION, CHINA PRESS -A5 STOK SEMASA BEKALAN IKAN NEGARA MENCUKUPI, HAKAH DAILY -ONLINE BEKALAN IKAN SELURUH NEGARA MENCUKUPI SEPANJANG PKP, LOKAL, HM -22 LAWATAN KE KOMPLEKS LKIM KUALA SELANGOR, KOMUNITI KITA, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26.	CHOW KON YEOW: SEA RECLAMATION IN SOUTHERN PENANG IS NO DISASTER FOR FISHERMEN, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B3 CHOW: PENANG TO LOSE FUTURE DEVELOPMENT AND EMPLOYMENT OPPORTUNITY IF PSR NOT CARRY ON, NATION, KWONG WAH YIT POH -A1 & A4 PULAU PINANG TOLAK DAKWAAN PSR 'MALAPETAKA' KEPADA NELAYAN, UM -ONLINE CM: PENANG LAND RECLAMATION WILL BETTER THE LIVES OF FISHERMEN, NATION/NEWS, NST -11 KEMUNCULAN DURIAN TUPAI KING, NEGARA, KOSMO -11 ANGGARAN HARGA CECAH RM100 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO -11 PEKEBUN, PERAIH BIDA HARGA BUAH PREMIUM, NEGARA, KOSMO -11 KILANG PUNCA IKAN MATI KENA TINDAKAN, NEGARA, KOSMO -12 AIR HITAM KILANG KERTAS PUNCA IKAN SANGKAR MATI, LOKAL, HM -20 'AIR SUNGAI SEPERTI MINYAK HITAM, LOKAL, HM -20 PDI DIDIK PETANI MENGENAI BAJA, RAWAT TANAH AGAR HASIL BERTAMBAH, NIAGA, KOSMO -31 KETUM AYAM BOLEH GANTI KETUM DI PERLIS?, DALAM NEGERI, UM -24 'KETUM' AYAM JIMATKAN PENGGUNAAN DEDAK, DALAM NEGERI, UM -24 BITTERSWEET NEWS FOR CAMERON HIGHLANDS FLOWER FARMERS, MUKA DEPAN, THE STAR -1	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	NST	NEWS IN BRIEF	13

Ensuring agriculture product supply is stable

TELUK INTAN: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is working with the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi) to ensure the supply and prices of agricultural products are stable. Its deputy minister, Datuk Rosol Wahid, said the two ministries were always in talks to ensure farmers and breeders were not affected while consumers got a reasonable price. He said efforts were made to ensure a win-win situation between farmers and consumers. "We always cooperate with Mafi because Mafi takes care of farmers, while we take care of consumers." The deputy minister said this after inspecting cooking oil and compliance with standard operating procedures at the Teluk Intan Lotus here yesterday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

KPDNHEP, Kementerian Pertanian bekerjasama pantau bekalan, harga barang pertanian



ROSOL Wahid (kanan) membuat pemeriksaan minyak masak di sebuah pasar raya di Teluk Intan hari ini.

TELUK INTAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi memastikan bekalan dan harga barangan pertanian kekal stabil.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, usaha itu untuk memastikan situasi menang-menang di antara petani dan pengguna.

“Kita memang mempunyai hubungan yang rapat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kerana mereka jaga peladang, kita jaga pengguna.

“Kalau kita kekurangan ayam, kita tiada kuasa untuk keluarkan bekalan, tetapi, harga di bawah kita. Hubungan kita terlalu rapat, ada masalah kita akan bincang,” katanya selepas melakukan lawatan dan pemeriksaan minyak masak dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sekitar Teluk Intan, di sini, hari ini.

Menurutnya, kerjasama itu bertujuan memastikan petani dan penternak tidak terniaya dan dalam masa yang sama pengguna pula mendapat harga berpatutan.

Beliau berkata, sehingga kini pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung kenaikan harga sayuran di pasaran malah terdapat penurunan harga berbanding ketika musim perayaan sebelum ini.

“Contohnya cili, sebelum ini, ketika musim perayaan kita tetapkan harga RM15 sekilogram, hari ini RM6 sekilogram.

“Harga ini bergantung kepada jenis kesegaran sayur, tetapi, kalau ada maklumat berlaku kenaikan harga, boleh maklum kepada kita,” katanya.

Sementara itu, Rosol berkata, sebanyak RM1.09 juta kompaun dikutip KPDNHEP melalui 160 kes membabitkan syarikat dan individu yang gagal mematuhi SOP mengikut Akta 342 sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang bermula 1 hingga 11 Jun lalu. — UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	KOSMO	NEGARA	6

Kerjasama KPDNHEP, MAFI pastikan harga, bekalan stabil

TELUK INTAN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan bekalan dan harga barangan pertanian kekal stabil.

Kerjasama tersebut juga bertujuan memastikan petani dan penternak tidak teraniaya dan dalam masa yang sama pengguna pula mendapat harga berpatutan.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, usaha berkenaan adalah untuk memastikan situasi menang-menang antara petani dan pengguna.

"Kita memang mempunyai hubungan rapat dengan MAFI kerana mereka jaga peladang, kita jaga pengguna."

"Kalau kita kekurangan ayam kita tiada kuasa untuk keluarkan (bekalan) tetapi harga di bawah kita. Jika ada masalah kita akan bincang," katanya selepas melakukan pemeriksaan minyak masak dan pematuan prosedur operasi standard (SOP) di sekitar Teluk Intan semalam.



ROSOL (kanan) semasa melakukan pemeriksaan minyak masak di sebuah pasar raya di Teluk Intan semalam.

Menurut Rosol, sehingga kini pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung kenaikan harga sayuran di pasaran, malah terdapat penurunan harga berbanding ketika musim perayaan sebelum ini.

Dalam perkembangan lain, Rosol turut memaklumkan, sebanyak RM1.09 juta kompaun di-

kutip KPDNHEP melalui 160 kes berkaitan pelanggaran pematuan SOP.

Ia membabitkan syarikat dan individu yang gagal mematuhi SOP mengikut Akta 342 sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang bermula 1 hingga 11 Jun lalu.

Pastikan harga barangan pertanian stabil

Teluk Intan: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam usaha memastikan bekalan serta harga barangan pertanian sentiasa stabil.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata usaha itu dilakukan untuk situasi menangan-
g antara petani dengan peng-
guna.

Bellau berkata, ia bagi memas-
tikan petani dan penternak tidak
teraniaya, manakala pengguna
mendapat harga berpatutan.

"Kita memang ada hubungan
rapat dengan MAFI kerana ke-
menterian itu menjaga peladang,

kita pula menjaga pengguna. Ji-
ka kita kekurangan ayam, kita
tiada kuasa untuk mengeluarkan (be-
kalan), tetapi (isu) har-
ga bawah kita.

"Hubungan kita ter-
lalu rapat. Jika ada
masalah, kita akan
berbincang," katanya
kepada pemberita se-
lepas melakukan lawa-
tan dan pemeriksaan
minyak masak serta
pemeriksaan prosedur
operasi standard
(SOP), di sini sema-
lam.

Rosol Wahid

Rosol berkata, seta-
kat ini pihaknya tidak
menerima sebarang aduan ber-
hubung kenaikan harga sayur di
pasar, sebaliknya ada penuru-

nan harga berbanding ketika mu-
sim perayaan sebelum ini.

"Contohnya cili ketika musim
perayaan kita mene-
tapkan harga RM15
sekilogram, hari ini
RM6 sekilogram. Har-
ga ini bergantung
pada jenis kesegaran
sayur, namun jika ada
maklumat (kenaikan
harga) boleh maklum-
kan kepada kita," ka-
tanya.

Di Kuala Selangor,
Timbalan Menteri

Pertanian dan Indus-
tri Makanan II, Datuk
Che Abdullah Mat Na-
wi, berkata stok semasa bekalan
ikan di negara ini dijangka men-
cukupi sepanjang tempoh pelak-

sanaan Perintah Kawalan Perge-
rakan (PKP) 3.0.

Bellau berkata, bekalan ikan
diperlukan pengguna negara ini
dianggarkan kira-kira 155,000 tan
metrik sebulan.

"Stok semasa bekalan ikan ne-
gara ketika ini ialah kira-kira
185,000 tan metrik sebulan, dan
dijangka mencukupi sepanjang
tempoh sekatan pergerakan pe-
nuh PKP. Pengguna dimasihatkan
tidak bimbang ataupun membuat
pembelian panik kerana bekalan
ikan adalah mencukupi," kata-
nya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan
tinjauan ke Kompleks Lembaga
Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Kuala Selangor dan Pasar Nela-
yan Sungai Yu untuk melihat ke-
langsungan bekalan makanan

serta operasi rantaian pemasa-
ran ikan.

Dalam pada itu, Che Abdullah
memaklumkan, terdapat 89 pasar
nelayan bawah seliaan LKIM.

Selain itu, katanya, LKIM juga
mempunyai 33 Pusat Pengumpul-
an dan Pengedaran Ikan (CCDC)
di seluruh negara.

Bellau berkata, jualan pasar
nelayan di seluruh Selangor ialah
82,058.85 kilogram (kg) dianggar-
kan bernilai RM1.5 juta bagi tem-
poh Januari hingga Mei lalu.

"Jualan pasar nelayan seluruh
negara sepanjang tempoh sama
pula ialah 2.16 juta kg dengan
nilai jualan RM24.4 juta. Penda-
ratan ikan di seluruh Malaysia
berjumlah 41,364.82 tan metrik
dengan nilai RM164 juta bagi tem-
poh sama," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Pastikan harga produk tani stabil

KPDNHEP, MAFI kerjasama rapat bagi memastikan petani, penternak dan pengguna tidak teraniaya

Oleh SAIFULLAH AHMAD

TELUK INTAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan bekalan serta harga produk pertanian stabil.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kedua-dua kementerian sentiasa berbincang bagi memastikan petani dan penternak tidak teraniaya manakala pengguna mendapat harga yang tidak terlalu mahal.

Menurutnya, usaha itu dilakukan bagi memastikan wujudnya situasi menang-menang antara petani dan pengguna di negara ini.

"Kita memang mempunyai hubungan yang rapat dengan MAFI kerana MAFI jaga peladang, kita jaga pengguna. Kalau kita kekurangan ayam kita tak ada kuasa untuk dikeluarkan tapi isu harga di bawah kita. Hubungan kita terlalu rapat,



Rosol (kanan) meninjau bekalan minyak masak di sebuah pasar raya di Teluk Intan sempena lawatan dan pemeriksaan minyak masak dan pematuan SOP di sekitar bandar itu pada Ahad.

jika ada masalah kita akan bincang.

"Begitu juga dengan harga minyak masak.

"Kita bekerjasama rapat dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi kerana mereka yang proses minyak manakala harga kita," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan dan pemeriksaan minyak masak serta pematuan prosedur operasi standard (SOP) di sekitar bandar Teluk Intan pada Ahad.

Sementara itu, Rosol memaklumkan sehingga kini pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung kenaikan harga sayur.

Katanya, harga sayur di pasaran ketika ini berpatutan malah terdapat sayur yang mengalami penurunan harga berbanding ketika musim perayaan sebelum ini.

"Contohnya cili, sebelum ini ketika musim perayaan kita tetapkan harga RM15 sekilogram, hari ini RM6 sekilogram.

"Harga juga bergantung kepada tahap kesegaran sayur, yang segar mungkin mahal sikit tapi kalau ada maklumat (kenaikan harga) boleh maklum kepada kita," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau menjelaskan tahap pematuan SOP dalam kalangan pengguna dan peniaga amat tinggi sepanjang tempoh tinjauan yang dilaksanakan.

Katanya, penguatkuasaan pematuan SOP sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 telah menghasilkan 160 kes melibatkan syarikat dan individu yang gagal mematuhi SOP dengan nilai kompaun RM1.09 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	KOSMO	NEGARA	14



BOT laut dalam berlabuh di Jeti Tok Ball, Pasir Puteh sebelum ini menjadi salah satu tempat nelayan membawa pulang hasil laut.

Hasil laut kurang 50%

KOTA BHARU – Jumlah tangkapan hasil laut di Kelantan berkurangan sebanyak 50 peratus sepanjang lima bulan tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, berdasarkan rekod jabatan, sebanyak 15,048 tan metrik hasil laut ditangkap oleh nelayan di negeri ini sehingga Mei lalu.

Katanya, jumlah tersebut menunjukkan penurunan separuh daripada hasil tangkapan pada tahun lalu yang mencatatkan tangkapan sebanyak 30,505 tan metrik.

“Hasil berkurang kerana bot laut dalam tidak beroperasi ekoran ketiadaan awak-awak asing.

“Selain itu, penutupan pintu sempadan negara melalui jalan

laut ekoran penularan jangkitan Covid-19 juga merupakan antara faktor pengurangan hasil tangkapan pada tahun ini,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut Nazri, nelayan di negeri ini tidak berdepan sebarang masalah untuk turun ke laut meskipun ketika Perintah Kawalan Pergerakan kerana perkhidmatan dan pekerjaan mereka dibenarkan untuk beroperasi.

Katanya, berdasarkan pemerhatian Jabatan Perikanan, tangkapan hasil laut di kawasan pantai tidak berdepan masalah kerana nelayan tidak menggunakan khidmat awak-awak asing.

“Jika hasil kurang, kita import ikan bagi menampung keperluan pengguna,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	32

113,200 benih ikan air tawar dilepaskan di Pahang

KUANTAN - Jabatan Perikanan Pahang telah melepaskan 113,200 benih pelbagai spesies ikan air tawar di perairan Pahang dalam usaha meningkatkan bekalan sumber protein di perairan negeri ini.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, pelepasan benih pelbagai spesies ikan air tawar itu membabitkan tiga daerah iaitu di Kuala Lipis, Raub dan Pekan.

Menurutnya, daripada jumlah itu sebanyak 28,300 benih ikan kerai, baung dan lampam sungai telah dilepaskan di perairan Tasik Chini, Pekan.

"Dua lagi lokasi di Sungai Jelai iaitu di Kampung Telang dan Sungai Telang di Kampung Lubuk Kulit, Kuala Lipis, masing-masing sebahagiannya 50,000 benih lampam sungai, 6,000 (baung) dan 600 (kerai).

"Sebanyak 25,000 benih ikan lampam sungai dan 3,000 (baung) di Raub manakala dan 300 (kerai) di Sungai Lipis iaitu di Kampung Jeram Besu yang terkenal dengan pelbagai spesies ikan

air tawar lain," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Pada Sabtu, Jabatan Perikanan mengadakan program pelepasan benih ikan air tawar di Sungai Telang, Kuala Lipis.

Beliau menjelaskan, program pelepasan benih ikan air tawar spesies terpilih dilakukan sepanjang tahun membabitkan semua daerah dan negeri.

Katanya, pelaksanaan projek itu juga dapat membantu nelayan menambah sumber pendapatan mereka, dengan adanya pertambahan benih ikan.

"Kalau ikutkan dalam tempoh 10 tahun sejak 2010, jabatan itu sudah melepaskan 12.8 juta benih pelbagai spesies ikan dan udang galah ke perairan umum di negeri ini," ujarinya.

Sehubungan itu, Abdullah berharap nelayan darat, masyarakat setempat dan peminat aktiviti memancing mendapat manfaat daripada program pelepasan benih ikan dan udang galah tersebut.

FOTO: IHSAN JABATAN PERIKANAN PAHANG



Abdullah (tengah) bersama benih ikan lampam sungai yang dilepaskan ke Sungai Jelai di Kampung Telang.

Headline	LKIM reassures consumers that fish supply remains adequate		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	14 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	49,712
Page No	KB4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,879
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,636



LKIM吁消費者放心 漁產供應仍充足

（瓜雪13日讯）大马渔业发展局（LKIM）呼吁消费人勿对鱼产供应感到担忧，因为国内鱼产供应一直都保持充足，目前国内对海鲜鱼产的需求量是每月15万5000公吨，但现有存货量介于18万5000公吨。

该局今日配合农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉莫纳威巡视雪州瓜雪渔业发展局中心和双溪尤渔民巴刹运作后，发文告作出上述呼吁。

当局指出，除了渔业发展局在全国设立33所鱼产收集及分销中心（CCDC），消费人也可在渔业发展局协调下的89所渔民巴刹购得鱼产。

“渔业发展局受赋权通过提高渔民收入、发展国家渔业和确保鱼产供应足够的举措，矢志要提高渔民的社会

经济地位。”

文告指出，全国渔民巴刹于今年首5个月，销售了216万3417公斤或总值2440万令吉鱼产，其中雪州占8万2059公斤或相等于150万令吉产值。

“拥有6名鱼贩的双溪尤渔民巴刹，则卖出5万5834公斤或总值96万1964令吉鱼产。”

文告指出，同期间，全国上岸鱼产有4万1365公吨或1亿6400万令吉产值，其中雪州上岸鱼产有2万6456公吨（占64%）或5360万令吉（33%）。

陪同巡视嘉宾有丹絨加弄区国会议员丹斯里诺奥马、渔业发展局主席拿督赛阿布胡先、总监尤索夫奥曼及雪州局长古赛里。（BPK）

Headline	Malaysia has enough marine products supply		
MediaTitle	China Press		
Date	14 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	184 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,630
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,889



大馬漁獲供應充足 仄阿都拉：民衆無需囤貨



目前的供應情況。
■仄阿都拉（右2）巡視瓜雪漁業局與雙溪尤漁民市場，向業者了解

（瓜雪13日訊）農業及食品工業部第二副部長拿督仄阿都拉指出，全國漁獲供應充足，民眾無需瘋狂搶購或囤貨，避免對海產供應鏈造成負面影響。

他說，根據數據，估計全國人民1個月的漁獲供應需求為15萬5000公噸，全國每月庫存則有18萬5000公噸，這意味著，我國每月的漁獲庫存，足以應付全國大封鎖期間的供應量。

“為此，民眾無需擔心漁獲供應短缺而瘋狂搶購，皆因供應非常充足。”

他今日巡視瓜雪漁業局及雙溪尤漁民巴剎時，向媒體如是指出。陪同出席者有巫統丹絨加弄國會議員斯里諾奧馬、大馬漁

業發展局主席拿督賽益阿布胡先、副主席哈芝尤索夫，及雪州主任庫賽里。

仄阿都拉提及，從今年1月至5月，全馬漁民巴剎銷售量達216萬3417公斤，總值為2440萬令吉，而雪州的海產銷售額共有2萬6455公噸，總值5360萬令吉。

“其中，雙溪尤漁民巴剎截至今年5月，共售出總額96萬1964令吉，重量達5萬5834公斤的魚獲，全雪州的漁民巴剎，在同時期的銷售量為8萬2058公斤，總值150萬令吉。”

此外，他呼籲消費者可從漁業發展局監管的89個漁民巴剎，購買漁獲，當局則在全國設有33個收集與配送中心（CCDC）。

他也呼籲民眾光顧漁民巴剎時，嚴謹遵守防疫標準作業程序，以便阻斷新冠肺炎傳播鏈。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Stok semasa bekalan ikan negara mencukupi



SHAH ALAM: Stok semasa bekalan ikan negara sebanyak 185,000 tan metrik sebulan dijangka mencukupi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh, berbanding anggaran keperluan bekalan ikan bagi rakyat di negara ini sekitar 155,000 tan metrik, menurut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Timbalan Menteri II kementerian itu, Datuk Che Abdullah Mat Nawi menasihatkan pengguna agar tidak perlu bimbang atau membuat pembelian panik kerana bekalan ikan adalah sentiasa mencukupi.

“Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memainkan peranan yang penting memastikan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara terutama sewaktu pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0,” katanya dalam satu kenyataan selepas mengadakan tinjauan ke Kompleks LKIM Kuala Selangor dan Pasar Nelayan Sungai Yu, hari ini.

Che Abdullah berkata LKIM adalah juga agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara.

“Para pengguna juga boleh mendapatkan bekalan ikan di 89 buah Pasar Nelayan seliaan LKIM yang turut mempunyai 33 buah Pusat Pengumpulan dan Pendedaran Ikan di seluruh negara,” katanya.

Che Abdullah turut menasihatkan para nelayan dan pengunjung di pasar-pasar nelayan untuk kekal mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara selain terus mengamalkan norma baharu bagi membendung dan menghapuskan penularan pandemik Covid-19.

Sekatan pergerakan penuh yang bermula sejak 1 Jun lepas akan berakhir esok dan kerajaan mengambil keputusan menyambunginya selama dua minggu lagi sehingga 28 Jun. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	27

Bekalan ikan seluruh negara mencukupi sepanjang PKP

Kuala Selangor: Stok semasa bekalan ikan di negara ini dijangka mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, dianggarkan

keperluan bekalan ikan bagi rakyat di negara ini adalah sekitar 155,000 tan metrik sebulan.

"Stok semasa bekalan ikan negara pada ketika ini adalah sekitar 185,000 tan metrik sebulan dan ia dijangka mencukupi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh.

"Pengguna dinasihatkan supaya tidak bimbang atau membuat pembelian panik kerana bekalan ikan adalah sentiasa mencukupi," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, Che Abdullah mengadakan tinjauan ke Kompleks Lembaga Kema-

juan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Selangor dan pasar nelayan Sungai Yu bagi melihat sendiri bekalan makanan dan operasi rantai pe- masaran ikan di situ.

Menurutnya, terdapat 89 pasar nelayan di bawah se- liaan LKIM sekiranya peng- guna ingin mendapatkan

bekalan ikan.

Katanya, selain itu, LKIM juga mempunyai 33 pusat pengumpulan dan pengeda- ran ikan (CCDC) di seluruh negara.

"LKIM sudah memainkan peranan yang penting dan berkesan untuk memperbai- ki kedudukan sosio-ekono-

mi nelayan dengan penum- puan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan nega- ra.

"Selain itu, ia juga me- mastikan bekalan ikan men- cukupi di seluruh negara te- rutama sewaktu pelaksana- an tempoh ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	32

Lawatan ke Kompleks LKIM Kuala Selangor

TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi mengadakan tinjauan ke Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Selangor dan Pasar Nelayan Sungai Yu bagi melihat sendiri kelangsungan bekalan makanan dan operasi rantai pemasaran ikan di sini, semalam.

Ini merupakan lawatan kerja kali pertama beliau selepas dilantik sebagai Timbalan Menteri II MAFI.

Turut hadir dalam tinjauan ini Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar; Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Syed Abdul Fasal; Ketua Pengarahnya, Yussoff Ottiman berserta Pengarah LKIM Selangor, Kusairi Hussin.

Dalam tinjauan itu, Che Abdullah turut melawat sekitar Kompleks LKIM Kuala Selangor yang menempatkan Pejabat LKIM Selangor Utara, Pejabat PNK Kuala Selangor, Pusat Pengisytiharan e-Pendaratan Ikan LKIM, Projek Jualan Rundt Minyak Diesel PNK Kuala Selangor, Medan Ikan Bakar, Jualan Ikan segar.

Kemudahan itu disediakan bagi nelayan Kuala Selangor untuk berurusan dengan pihak LKIM dan juga masyarakat setempat.

■ CHE Abdullah Mat Nawi bertanya khabar kepada peniaga ikan sewaktu mengadakan tinjauan ke Kompleks LKIM Kuala Selangor dan Pasar Nelayan Sungai Yu, Kuala Selangor, semalam.



Headline	Chow Kon Yeow: Sea reclamation in southern Penang is no disaster for fishermen		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	14 Jun 2021	Color	Black/white
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	310 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,348
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,045



曹观友：促进发展增就业机会 “槟南填海非渔民灾难”

(槟城 13 日讯) 槟州首席部长曹观友表示，若不实施槟城南部填海计划，渔业社区将保持其现有的状况，不会有任何改变。而槟城将失去为人民和后代发展，以及创造就业机会的机会。

“槟州政府希望公众，包括农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉，能够更全面的了解槟城南部填海计划对槟州的重要性。”

他是针对仄阿都拉日前发出一则题为“槟城南部填海计划的延续：行动党破坏渔业资源和环境的利己主义”的文告，将槟城南部填海计划描述为槟城渔民的“灾难”，并指控这将影响国家的渔业，发表文告做出解释。

他强调，通过槟城南部

填海计划，槟城将能够为工业、商业和住宅发展提供新的土地，并创造数千个就业机会。

改善社会经济条件

渔业社区也将受益于社会影响管理计划，改善他们的社会经济条件，包括为他们的孩子提供教育、培训和就业机会。

“槟州政府要强调的是，我们无需在发展南部填海计划和捍卫渔民的命运以确保粮食安全之间做出选择。相反的，我们可以同时做到这两点，因为渔民依然可以在填海工程开启以后继续他们的工作。”

他说，南部填海计划的工程将从一座岛屿开始，开发时间约为 20 年。这期间，通往

大海的路线对渔民来说依然是非常宽阔的。因此，州政府不同意副部长指南部填海计划将会给渔民带来‘灾难’的观点。

他说，南部填海计划与主岛之间的 250 米航道，是为了确保渔民出海不受阻的举措之一。该航道将确保渔民在整个填海工程，以及南部填海岛屿开发期间都能出海。目前，渔民必须等待涨潮方能出海。

“同时，州政府将确保由环境局在环境评估报告中所附加的 72 项缓解条件得以被遵守。报告中建议的生态补偿计划，包括种植红树林、人工鱼礁和渔业聚集装置 (FAD)、释放鱼和虾苗，以及研究基金等等。”

他指出，这些措施将确保填海工程在受控的情况下进行，以免形成污染。附加计划将有助于海洋生物创造新的栖息地，并增加鱼类种群，以促进渔业的可持续性。

渔民捕鱼范围仍广大


曹观友强调，贡献鱼类总产量 4% 的区域并不仅限于槟城南部填海计划区域周围。槟城南部沿海渔民的捕鱼范围相比更广，而且远于填海计划区。这意味着，渔

民仍有很大的范围进行捕鱼活动。

他指出，州政府重视槟城南部沿海渔民的贡献，也希望有关地区的渔民可继续在槟城南部填海计划上一同

迈进。对此，州政府正进行社会影响管理计划 (SIMP)，以确保峇东海滨渔村、双溪峇都、公巴、美湖、峇都茅、斯里惹雅、直落登布雅、浮罗勿洞及双溪布隆港口的渔民，可在这项计划中受惠。

Headline	Chow : Penang to lose future development and employment opportunity if PSR not carry on		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	14 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A1,A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	499 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,785

若不实施南部填海

槟州将失去 后代发展 就业机会

槟首长曹观友

A4版

Headline	Chow : Penang to lose future development and employment opportunity if PSR not carry on		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	14 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A1,A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	499 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,785

关地区的渔民可继续在檳城南部填海计划上一同迈进。
曹观友说，州政府重视檳城南部沿海渔民的贡献，也希望有

若不实施南部填海

檳州将失去后代发展就业机会

(檳城13日讯) 檳首长曹观友强调，若不实施檳城南部填海计划，渔业社区将保持其现有状况，不会有任何改变，而檳城将失去为人民和后代发展，以及创造就业机会。

他说，通过该计划，檳城将能够为工业、商业和住宅发展提供新土地，并创造数千个就业机会。渔业社区也将受益于社会影响管理计划 (SIMP)，改善他们的社会经济条件，包括为他们的孩子提供教育、培训和就业机会。

他周日针对檳城南部填海计划 (PSR) 中的渔业资源课题发文告说，农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉在今年6月10日发布一题为“檳城南部填海计划的延续：行动党破坏渔业资源和环境的利己主义”的文档，并引述他在前一天即6月9日所发布的声明，即州政府将继续执行南部填海计划立场。

“副部长在文告中，将该计划描述为檳城渔民的‘灾难’ (malapetaka)，并指控这将影响国家的渔业。我谨代表州政府就有关指控作出解释，以助公众更了解即将涉及在南部填海计划地区中的渔业情况。”

“州政府希望公众，包括尊敬的副部长，能够更全面地了解檳城南部填海计划对檳州的重要性。”

曹观友说，州政府要强调的是，我们无需在发展南部填海计划和捍卫渔民的命运以确保粮食安全之间做出选择。相反的，我们可以同时做到这两点，因为渔民依然可以在填海工程开启以后继续他们的工作。

他说，该计划工程将从一座岛屿开始，开发时间约为20年。这期间，通往大海路綫对渔民来

说依然是非常宽阔的。因此，州政府不同意副部长指南部填海计划将会给渔民带来“灾难”的观点。

他指出，该计划与主岛之间的250米航綫，是为了确保渔民出海不受阻的举措之一。该航綫将确保渔民在整个填海工程，以及南部填海岛的开发期间都能出海。目前，渔民必须等待涨潮方能出海。

“同时，州政府将确保由环境局在环境评估报告中所附加的72项缓解条件得以被遵守。报告中建议的生态补偿计划，包括种植红树林、人工鱼礁和渔业聚集装置 (FAD)、释放鱼和虾苗，以及研究基金等等。”

“这些措施将确保填海工程在受控情况下进行，以免形成污染。附加计划将有助于海洋生物创造新栖息地，并增加鱼类种群，以促进渔业的可持续性。”

填海区域渔获量 仅占檳总产量4%

曹观友说，就如他之前所提及，根据渔业局数据，填海计划区域周围的渔获量仅占檳城2015年鱼类总产量的4%左右，占全国鱼类总产量0.2%。

他说，必须强调的是，贡献鱼类总产量4%的区域并不仅限于檳城南部填海计划区域范围，檳城南部沿海渔民的捕鱼范围相比更广，而且远于

填海计划区。这意味着，渔民仍有很大范围进行捕鱼活动。

他续言，州政府无意低估檳城南部沿海渔民的贡献，因为他们也为渔业、食品供应和州内经济贡献及服务。

他说，州政府重视檳城南部沿海渔民的贡献，也希望有关地区的渔民可继续在檳城南部填海计划上一同迈进。

“对此，我们正进行社会影响管理计划 (SIMP)，以确保峇东滨海渔村 (Permatang Tepi Laut)、双溪峇都 (Sungai Batu)、公巴 (Teluk Kumbar)、美湖 (Gertak Sanggul)、峇都茅 (Batu Maung)、斯里惹雅 (Si Jerjak)、宾落登布雅 (Teluk Tempoyak)、浮罗勿洞 (Pulau Betong) 及双溪布隆港口 (Kuala Sungai Burong) 的渔民，可在这项计划中受惠。”

“我们已多次说明，社会影响管理计划 (SIMP) 包括了提供渔民安置金；新的渔船和引擎；位于峇东滨海渔村 (Permatang Tepi Laut)、双溪峇都 (Sungai Batu)、公巴 (Teluk Kumbar)、美湖 (Gertak Sanggul) 的4座新渔民码头；商业、工作机会及培训；为渔民子女提供教育机会及免费补习；房屋计划等。”

“有了这些举措，州政府可确保发展、环境保护，以及渔民的福祉可共同实现。我们不应该被迫做出选择。” #

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Pulau Pinang tolak dakwaan PSR 'malapetaka' kepada nelayan



GEORGETOWN: Kerajaan negeri Pulau Pinang menolak dakwaan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi yang mana projek tambak laut di perairan selatan negeri ini (PSR) akan membawa 'malapetaka' kepada nelayan.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, Pembangunan PSR yang bermula dengan satu pulau akan mengambil masa kira-kira 20 tahun dan dalam tempoh itu, laluan untuk ke laut masih sangat luas untuk kegunaan nelayan.

Ujarnya, salah satu inisiatif dalam memastikan nelayan tidak terhalang untuk ke laut sepanjang tempoh tambakan dan pembangunan pulau-pulau PSR juga adalah alur navigasi seluas 250 meter (m) di antara PSR dan pulau utama yang akan memberi akses kepada nelayan untuk ke laut.

Selain itu, jelas beliau, pendaratan ikan di kawasan selatan pulau Pulau Pinang hanya menyumbang empat peratus kepada jumlah pengeluaran ikan bagi seluruh negeri pada 2015.

Dalam konteks jumlah pengeluaran ikan seluruh negara pula, tambah Kon Yeow, jumlah pendaratan yang disumbangkan dari kawasan selatan pulau Pulau Pinang adalah berjumlah 0.2 peratus.

"Kawasan yang menyumbangkan empat peratus jumlah pengeluaran ikan adalah tidak terhad di tapak PSR sahaja. Kawasan penangkapan ikan nelayan pesisir pantai selatan Pulau Pinang adalah jauh lebih luas dan jauh dari tapak penambakan.

"Ini bermakna, nelayan masih ada tempat yang luas untuk aktiviti penangkapan ikan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, Che Abdullah berkata, PSR yang dirancang diteruskan kerajaan negeri Pulau Pinang akan menjadi malapetaka kepada nelayan di negeri itu khususnya dan menjejaskan sektor perikanan negara.

Tegasnya, ketika Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang berusaha keras bersama pelbagai pihak menambah baik penyelesaian untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) ikan negara, kerajaan negeri Pulau Pinang tanpa rasa bersalah mengumumkan untuk meneruskan projek itu.

Sementara itu Kon Yeow berkata, melalui PSR, Pulau Pinang akan dapat mewujudkan tanah baharu untuk pembangunan industri, komersial dan perumahan serta mewujudkan ribuan pekerjaan.

Tambah beliau, komuniti nelayan juga akan mendapat manfaat Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang boleh memperbaiki keadaan sosioekonomi termasuk memberi peluang pendidikan, latihan dan pekerjaan kepada anak-anak mereka.

"Tanpa PSR, komuniti nelayan akan kekal dengan keadaan mereka yang sedia ada tanpa menikmati apa-apa perubahan.

"Pulau Pinang pula akan kehilangan peluang untuk membangun serta mewujudkan pekerjaan untuk rakyat dan generasi akan datang," katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	NST	NATION/NEWS	11

PSR PROJECT

CM: Penang land reclamation will better the lives of fishermen

GEORGE TOWN: Without the Penang South Reclamation (PSR) project, the fishing community in the southern tip of the island will remain as they are.

Contrary to a recent statement, Chief Minister Chow Kon Yeow said the project would improve the socio-economic situation of the fishermen.

He was referring to a statement made by Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi, who claimed the project was a "disaster to Penang fishermen" and it would destroy the national fisheries sector.

Chow said through PSR, now referred to as the Penang South Islands project, Penang would create new land for industrial, commercial and residential developments, as well as thousands of jobs.

He said the fishing community would benefit from the Social Im-

pact Management Plan and improve their socio-economic situation.

He added that their children would benefit from education, training and job opportunities.

"Without PSR, the fishermen will just remain as they are. Penang will lose the chance to develop and create jobs for its citizens and the future generation.

"As such, the Penang government hopes the people, including the deputy minister, can understand why PSR is important to Penang," he said yesterday.

On Thursday, Che Abdullah Mat Nawi described the project as a "disaster to Penang fishermen" and claimed that it would destroy the national fisheries sector.

His response came a day after Chow's, who said the Penang government would proceed with the PSR project.

Chow reiterated that Penang did not have to choose between the project and safeguarding the fishermen and food security.

He said the state could do both as fishermen could still fish when the reclamation began.

He said PSR's construction would only start with one island, and the development would take about 20 years.

"During that period, fishermen will still have unobstructed access to the sea. Therefore, we disagree with the deputy minister that PSR will be a disaster to fishermen.

"Another initiative under the

PSR project is a 250m-wide navigation channel that will provide fishermen 24-hour access to the sea, regardless of the tide. At present, the fishermen must wait for high tide to go to sea.

"The state government will ensure mitigation measures are implemented according to the 72 conditions stated in the project's Environmental Impact Assessment report by the Department of Environment. Ecology offset programmes that include mangrove planting, deployment of artificial reefs and fish aggregating devices, release of fish and prawn fry, research funds and others will also be implemented.

"These measures will ensure the reclamation proceeds in a controlled manner to prevent pollution. The offset programmes will help create new habitats for marine life and boost fish stock, which contribute to the sustainability of the fisheries sector."



Chow Kon Yeow

Raja buah varieti baharu bakal jadi saingan Musang King, Duri Hitam

Kemunculan durian Tupai King

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI - Pulau Pinang melahirkan varieti baharu durian selepas nama Tupai 226 didaftarkan secara rasmi pada Februari lalu yang bakal mencabar populariti Musang King.

Varieti yang lebih popular dengan nama durian Tupai King itu dijangka menjadi tarikan terkini dalam kumpulan durian popular seperti Raja Kunyit atau dikenali sebagai Musang King dan Duri Hitam kerana rasanya yang unik.

Pengarah Pertanian negeri, Mohd. Muhaimein Ibrahim berkata, varieti dengan nombor pendaftaran D214 itu diperakui secara rasmi oleh Ketua Pengarah Pertanian pada 26 Februari lalu.

Bellau berkata, pendaftaran tersebut dibuat oleh seorang pengusaha kebun durian di Sungai Ara, Bayan Lepas dekat sini pada Mei tahun lalu.

"Setakat ini, dusun pengusaha berkenaan mempunyai 48 pokok dan peminat durian boleh mula merasa durian Tupai 226 yang telah rasmi itu ketika musim durian pada hujung bulan ini dan Julai nanti.

"Namun, kuantiti pengeluarannya terhad ketika ini kerana masih belum banyak pokok," katanya ketika ditemui Kosmo! di pejabatnya di Bukit Mertajam.



DURIAN Tupai 226 didaftarkan secara rasmi pada 26 Februari lalu.



MOHD. MUHAIMEIN

Bellau berkata, durian Tupai King dengan kulit berwarna hijau keperangan mempunyai ciri-ciri buah berbentuk oval (bujur seperti telur) dengan pangkal membulat dan hujung menajam.

"Ia mempunyai purata berat 21 kilogram (kg) dengan purata sebanyak sembilan biji (ulas) bagi setiap buah dan purata berat isi 0.7 kg.

"Isinya berwarna jingga kekuningan dengan aroma, kepekatan, tekstur dan berkrim pada tahap sederhana selain tahap kemanisan dengan bacaan purata brix



MUSANG King atau Raja Kunyit mempunyai isi berwarna kuning pekat.

39," katanya.

Dalam perkembangan berbeza, Mohd. Muhaimein berkata, pihaknya mencatatkan pengeluaran hasil durian di negeri ini secara konsisten tiga tahun kebelakangan ini iaitu 10,491 tan pada 2018, 13,158 tan (2019) dan 14,946 tan (2020).

"Dengan pertambahan tanaman durian dan input pertanian daripada kerajaan seperti baja dan racun kawalan perosak, dijangka pengeluaran durian di Pulau Pinang tahun ini sama seperti tahun lalu," tambahnya.

Tupai King

- Nama varieti: Tupai 226
- Lokasi ladang: Sungai Ara, Balik Pulau, Pulau Pinang
- Cara pembiakan: Cantuman
- Bilangan pokok: 46
- Purata berat: 21 kilogram
- Pengeluaran: Bermula Julai 2021 (jangka)
- Harga: RM100 sekilogram (anggaran)

Anggaran harga cecah RM100 sekilogram

BALIK PULAU - Harga bagi sekilogram durian Tupai 226 atau Tupai King dijangka mencecah anggaran RM100.

Individu yang mendaftarkan varieti itu, Chew Chee Wan, 53, berkata, durian itu dijangka memberi saingan kepada durian premium sedia ada iaitu Musang King dan Duri Hitam berdasarkan respons diberikan pengemernya.

"Tupai King sudah ada pelanggan setia sejak 10 tahun lalu,

dan rata-rata 'hantu' durian mengukir kombinasi rasa manis dan pahit yang tajam memberikan kenikmatan.

"Selepas, semakin komersial nanti, saya jangka ia mampu melawan dengan harga durian Duri Hitam yang ketika ini paling mahal di Malaysia, apatah lagi harga Tupai King semakin meningkat," katanya yang menjalankan perniagaan di Jalan Paya Terubong di Relau, Bayan Lepas.

Katanya, pada musim durian tahun lalu dia menjual Tupai King pada harga RM70 sekilogram, Musang King (RM60) dan Duri Hitam (RM100).

"Saya jangka harga durian Tupai King tahun ini mencecah RM100 sekilogram," katanya.

Katanya, pengeluaran Tupai King dijangka berskala lebih besar dan komersial lima tahun lagi berikutan ramai pekebun durian dari seluruh negara telah mula

menanam anak pokok durian itu sejak lebih lima tahun lalu.

"Ketika ini, hanya saya yang mengeluarkan durian Tupai King sejak kira-kira 10 tahun lalu dan tahun lalu menghasilkan 1,000 biji sahaja daripada 16 pokok yang sudah matang.

"Saya jangka lima tahun lagi, ia akan banyak seperti durian lain selepas pokok yang ditanam pekebun mula mengeluarkan hasil," katanya.



CHEE WAN



ROSLE menyusun buah durian untuk dihantar kepada pelanggan ketika ditemui di Kampung Pulau Betung, Balik Pulau semalam.

Pekebun, peraih bida harga buah premium

GEORGE TOWN - Pemilik dusun dan peraih durian Balik Pulau melakukan bidaan harga dalam proses penjualan serta pembelian raja buah itu melibatkan buah jenis 'kayangan' atau premium seperti D2, 604, Musang King, Black Thorn atau duri hitam dan Hor Lor (labu).

Serang peniaga durian, Rosle Othman, 59, berkata, aktiviti tersebut sememangnya berlaku sejak dahulu lagi setiap kali

tibanya musim durian luruh di daerah Barat Daya.

Ceritanya, pemilik kebun akan menetapkan harga mengikut nilai bidaan paling tinggi daripada peraih atau pemborong bermula Jumaat hingga Ahad termasuk hari kelepasan a.m.

"Peraih mula menetapkan harga bagi sekilogram durian mengikut kemampuan mereka daripada RM10 bagi durian jenis Musang King sehingga menjadi

RM85 sekilogram, manakala Duri Hitam RM100 sekilogram.

"Bagi peraih yang miletakkan harga rendah, sudah tentunya dia tiada peluang untuk memiliki buah tersebut," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Ujarnya, harga durian kampung kini dijual daripada RM14 hingga RM17 sekilogram, manakala durian kahwin kampung pada harga RM19 hingga RM20 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	KOSMO	NEGARA	12



MOHD. SHARKAR (tiga dari kanan) bersama Mohd. Sani (empat dari kanan) meninjau kawasan sangkar ikan di Sungai Pahang di Kampung Pengkalani Manggis, Temerloh semalam.

Kilang punca ikan mati kena tindakan

Oleh SALEHUDIN MAT RASAO

TEMERLOH – Pencemaran air di Sungai Pahang di sini baru-baru ini yang menyebabkan lebih 1,000 ekor ikan patin dan tilapia mati didapati berpunca daripada sebuah kilang kertas yang dipercayai membuang sisa buangan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin berkata, kilang kertas terbabit dipercayai melepaskan air berwarna hitam melalui paip bawah tanah pada 9 Jun lalu sebelum mengalir ke Sungai Pahang.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melakukan siasatan dan akan mengambil tindakan undang-undang berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap pihak kilang terbabit.

"Peralatan yang menyebabkan pelepasan effluen ke alur air atau



KERATAN Kosmo! 12 Jun 2021.

sungai telah disita dan (premis) tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh 14 hari," katanya selepas melakukan tinjauan di Sungai Pahang di Kampung Pengkalani Manggis di sini semalam.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Semantan, Datuk Nor Azmi Mat Ludin dan Pengarah JAS Pahang, Mohd. Sani Mat Daud.

Mohd. Sharkar berkata, kerajaan negeri tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pengusaha atau kilang yang membuang sisa toksik ke dalam Sungai Pahang atau alur air yang

boleh mengancam hidupan air.

Katanya, berdasarkan pemerhatian semasa, air di kawasan kampung terbabit di Sungai Pahang telah kembali normal dan tiada lagi berwarna hitam.

Sementara itu, Mohd. Sani berkata, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kilang terbabit boleh didenda RM100,000 atau penjara selama tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Kosmo! Sabtu lalu melaporkan, seorang penternak ikan sangkar di Kampung Pengkalani Manggis rugi kira-kira RM20,000 apabila lebih 1,000 ekor ikan patin dan tilapia peliharaannya mati.

Mohd. Zahir Ibrahim, 37, dilaporkan berkata, kejadian itu disedarinya pada Rabu lalu apabila terlihat kelodak berwarna hitam dan berbau seperti air kumbahan di kawasan sangkar ikan yang, dipercayai menjadi punca ikan peliharaannya mati.

14/6/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

20

Temerloh: Masalah pelepasan air berwarna hitam melalui paip bawah tanah dari sebuah kilang kertas dikenali pasti punca berlaku pencemaran menyebabkan kematian ribuan ikan sangkar di Sungai Pahang, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) Pahang Mohd Sani Mat Daud berkata, siasatan yang dijalankan mendapati kilang itu menagku membuat pelepasan sisa secara tidak sengaja pada 9 Jun lalu.

Menurutnya, kilang berkenaan juga tidak beroperasi bermula 2 Jun lalu hingga hari ini atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disebabkan kan terdapat kes jangkitan Covid-19 membabitkan pekerjaanya.

"Hasil siasatan awal mendapati keadaan air kelihatan normal selepas menerima laporan dan tiada air berwarna hitam, tetapi ada sedikit kesan hitam di tebing sungai.

"Dapatan hasil siasatan, saya mengesahkan ada pencemaran dari kilang terbabit dan mereka mengakui membuat pelepasan efluen selama sejam dari kolam takungan terakhir secara tidak sengaja pada petang 9 Jun lalu.

"Namun demikian berlaku pelanggiran akta sama ada sengaja ataupun akibat kecuaian," katanya. Menurut, peralatan



PENCENSI Jawatankuasa Pelancungan, Perbadanan dan Komoditi Pahang, Idrus Seri Mohd Sharir Shamsudin (bertopik empat dari kiri) melihat ikan sangkar yang mati di Kampung Pengkalen Manggis disebabkan pencemaran air.

Air hitam kilang kertas punca ikan sangkar mati

yang menyebabkan pelepasan sisa turut disita dan kilang itu tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh 14 hari atau selepas sebarang efluen ke alur air atau sungai.

Katanya, siasatan dibuat mengikut

kan kompaun RM2,000 terhadap kecuaihan atau kesalahan dilakukannya.

Sementara itu, kerajaan negeri Pahang bertindak tegas terhadap pengusaha kilang yang didapati membuang toksik ke Sungai Pahang atau alur air yang boleh mengancam hidupan air.

Kilang tidak dibenarkan beroperasi untuk tempoh 14 hari

'Air sungai seperti minyak hitam'

Temerloh: Ratusan ikan sangkar dalam Sungai Pahang di Kampung Pengkalen Manggis di sini, mati dipercayai akibat pencemaran berpunca dari sebuah kilang berhampiran.

Kejadian disedari selepas penternak ikan sangkar mendakwa keadaan air sungai berkenaan bertukar warna kelutaman dan berbau busuk pada Rabu lalu.

Pengusaha ikan sangkar, Mohd Zahir Ibrahim, 37, berkata, dia terkejut apabila melihat air Sungai Pahang berwarna seperti minyak hitam dan ikan ternakannya mula mati pada petang Rabu lalu.

"Warna air bertukar seperti minyak hitam. Baniya juga busuk seperti air kumbahan selain terdapat

sisa buangan dan habuk yang melekat pada ikan.

"Saya dapati ratusan anak ikan patin yang baru berusia lebih seminggu mati dan kejadian sama pernah berlaku dua tahun lalu.

"Keadaan itu membuatkan saya agak terkilan kerana kejadian sama berulang ketika negara berdepan pandemik Covid-19 yang menyebabkan penternak ramai penternak ikan sangkar terjejas.

"Jumlah kerugian masih belum dapat ditaksirkan, namun begitu warna air sungai mula kembali pulih pada Khamis lalu," katanya yang mempunyai 48 sangkar ikan patin dan tilapia yang ditenak sejak tahun 2000.



MOHD Zahir menunjukkan anak ikan patin yang mati di dalam sangkarnya di Kampung Pengkalen Manggis.

PDI didik petani mengenai baja, rawat tanah agar hasil bertambah

Platform PKS

PETALING JAYA - Tiada yang lebih memberi kepuasan bagi pengasas syarikat Perlis Dolomite Industries Sdn. Bhd. (PDI), Yong Norita Ahmad selain melihat daun yang mengkilau, pucuk baharu yang bertunas dan pokok tanaman yang dulunya ibarat 'hidup segan mati tak mahu' akibat masalah tanah yang rosak ekoran penggunaan bahan kimia, kini semakin subur dan membuahkan hasil.

Itulah misi dan azam bagi satu-satunya pengusaha wanita Melayu yang berkecimpung dalam industri perlombongan dolomite di negara ini sejak mula membangunkan empayar perniagaannya pada tahun 2014.

Bellau mahu membantu mengubah nasib ramai petani di kawasan luar bandar dengan menambah hasil pendapatan daripada penggunaan baja yang berkualiti dan merawat tanah pertanian dengan cara yang betul.

Bukan mudah untuk wanita berusia 53 tahun ini menguasai bidang yang dimonopoli kaum lelaki itu.

Namun hasil gigihnya yang mula bekerja di bahagian kewangan di sebuah syarikat perladangan telah memberi peluang kepada Yong Norita mengoperasikan perniagaan sendiri selepas mengambil peluang menimba pengalaman sedikit demi sedikit mempelajari cara menguruskan ladang sehingga kepada aspek pentadbiran syarikat.

Menyadari kekurangannya yang



YONG NORITA menunjukkan sebahagian daripada baja yang dihasilkan kilangnya di Mukim Titi Tinggi, Padang Besar, Perlis baru-baru ini.

tidak mendapat pengajian formal di universiti, bellau mengambil pelbagai kursus di dalam dan luar negara mengenai tanaman dan penternakan bagi memudahkan menguruskan ladang sendiri seterusnya terjun dalam bidang perusahaan dolomite.

Dolomite adalah batu mineral yang mengandungi unsur bahan magnesium dan kalsium yang bersesuaian digunakan dalam pelbagai industri seperti pembinaan, besi dan gelas serta dalam sektor pertanian yang akan menyuburkan tanah.

"Di sinilah bermulanya saya terlibat secara serius dalam perusahaan dolomite yang mana, apabila menguruskan ladang

sendiri, saya perlu belajar menanam, menjaga, sehingga memetik hasil kelapa sawit.

"Tetapi saya berdepan masalah untuk mendapatkan hasil yang baik dan berganda.

"Lalu saya mencari solusi sehingga menjumpai teknik memulihkan pokok.

"Saya menemui dolomite sebagai cara menyelesaikan masalah tanah yang kurang subur," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Bermula di situ, Yong Norita mula mencari sebatian dari batu sedimen terbaik sehingga menemuinya di Perlis.

Batu mineral tersebut sangat berkualiti dan mutunya setan-



YONG NORITA menganggap hasil tanaman dan pertanian sebagai terapi minda serta suplemen untuk menjadikannya sentiasa sihat dan cergas.

ding dengan dolomite dari luar negara kerana mempunyai peratusan kandungan magnesium yang tertinggi di Malaysia iaitu hampir 22 peratus.

PDI satu-satunya kilang di Perlis yang mampu menghasilkan dolomite serbuk dengan saiz 80 mesh hingga ke 325 mesh.

"Kami berdepan dengan cabaran untuk mendapatkan hasil bumi yang terletak di kawasan bukit yang sememangnya memerlukan kekuatan fizikal dan mental.

"Saya belajar semuanya tentang dolomite bermula dari A sehingga Z bagi setiap langkah proses sehingga terhasilnya dolomite serbuk.

"Saya juga tahu untuk memilih batu mineral dan memprosesnya dengan menggunakan mesin," jelasnya.

Menjadikan hasil tanaman dari ladang sendiri sebagai uji kaji, dolomite yang diperolehi dicampurkan pada tanah bagi memberikan mineral yang diperlukan untuk tumbesaran pokok.

"Bagi tanaman padi contohnya, dolomite mampu mengatasi masalah tanah jertus, stput gondang, padi rebah dan masalah serangan tikus yang dihadapi oleh sebahagian besar petani.

"Dalam dua hingga enam bulan, pokok semakin subur sehingga mengeluarkan hasil dua kali ganda," ujarnya.

Yong Norita percaya tiada jalan mudah untuk meningkatkan hasil pengeluaran, hanya dengan cara memberikan nutrisi dan mineral pada tanah.

"Apabila tanah sihat dan pokok mendapat cukup 'makanan', tanamlah apa sahaja pas-

ti akan membuahkan hasil yang berkualiti.

Gembira dengan penghasilan dolomite, bellau mula menjalankan kajian kedua untuk penghasilan baja cecair.

"Saya mengambil masa tiga tahun untuk membangunkan baja cecair organik yang berfungsi menyuburkan tanaman serta dapat mengatasi masalah ganoderma pada sawit dan kanker pada pokok durian," terangnya.

"Ditanya mengenai kekangan dalam industri berkenaan, Yong Norita menjelaskan, perkara utamanya adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan mendidik petani serta pekebun mengenai pentingnya ilmu pengurusan tanah.

"Kebanyakan petani masih kekal dengan pemikiran lama," jelasnya.

Tambah beliau, petani telah memilih baja sedia ada dan mereka tidak mahu beralih menggunakan baja lain untuk mengelak sebarang risiko kerugian.

"Mereka juga sebenarnya tidak tahu mengenai masalah pokok dapat diselesaikan sekiranya pH tanah dibalik pulih dengan memberikan mineral yang diperlukan.

"Itulah impian saya iaitu mahu mendidik petani dan pekebun mengenai perkara asas berhubung perawatan tanah.

"Sebenarnya mereka tidak perlu memiliki tanah yang luas untuk mendapatkan hasil yang banyak sedangkan, dengan tanah yang kecil juga mereka akan mendapat hasil yang tinggi jika tanah dan tanaman tersebut dirawat dengan cara yang betul," katanya.



PELANGGAN dan penduduk kampung sentiasa memberi sokongan serta maklum balas kepada Yong Norita (berdiri, empat dari kiri) yang rajin berkunjung ke kawasan pertanian.

KETUM AYAM

» Pokok ketum ayam bukan keluarga ketum dan ia tidak berfungsi/digunakan seperti pokok ketum yang lain.

» Nama saintifik:

Trichanthera gigantea

» Nama 'ketum ayam' hanya sekadar panggilan di peringkat lokal. Ia lebih dikenali dengan gelaran *Madre de Agua* di peringkat antarabangsa.

» Daunnya hampir menyerupai pokok ketum, namun, dan struktur daun, daun ketum ayam berbulu dan garis daunnya tidak berwarna merah.

» Ketum Ayam bukan pokok yang sensitif, mudah dibiakkan melalui keratan batang dan sesuai juga dijadikan tumbuhan pagar.

» Carian Internet mendapati ia berasal dari Amerika Selatan sementara ketum yang nama saintifiknya *Mitragyna speciosa* merupakan tanaman asal di Asia Tenggara.

» Kandungan protein di dalam ketum ayam tersebut dikatakan bagus untuk makanan haiwan

Ketum ayam boleh ganti ketum di Perlis?

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Tanaman pokok ketum ayam atau nama saintifiknya *Trichanthera gigantea* boleh diusahakan bagi menggantikan ketum di negeri ini jika terbukti secara saintifiknya tumbuhan tersebut mempunyai potensi dan kebaikan untuk makanan haiwan ternakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Dr. Khairul Farhan Kasim berkata, sepanjang pengetahuannya, pokok ketum ayam itu tidak pernah lagi ditanam di negeri ini.

Dalam masa sama, Khairul Farhan juga tidak mempunyai masalah bagi melakukan kajian terhadap keberkesanan ketum ayam itu untuk makanan haiwan ternakan jika diberikan peluang dan dana untuk berbuat demikian.

Apa yang pasti, katanya, pokok ketum ayam dan ketum biasa di Perlis itu adalah dua spesies yang berbeza dengan panggilan ketum

SUPARDI Bai (kanan) dan Azhar Abdul Rahman melihat ayam yang ditenak memakan daun ketum ayam di ladang ternakan ayam di Kampung Gedang, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah. - UTUSAN/BADRUL HAFIZAN MAT ISA



haiwan ternakan, namun secara saintifiknya ia masih belum dapat dipastikan.

"Kalau boleh dibuktikan pokok ketum ayam mempunyai kebai- kan untuk haiwan ternakan selain tidak mempunyai masalah (un- dang-undang) daripada segi pe-

kerajaan negeri Perak menggalakan penduduk menanam pokok ketum ayam yang daunnya ter- bukti sesuai sebagai makanan ternakan, sekali gus dapat men- gurangan kos makanan untuk ternakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pem-

ternakan.

Malah, Ketua Polis Perak, Da- tuk Mior Faridalathrash Wahid sebelum ini turut mengesahkan bahawa pokok berkenaan tidak tersenarai dalam kategori tum- buhan yang diharamkan atau dilarang penggunaan dan pena- namannya.

Jelas Mior Faridalathrash, pokok ketum ayam adalah tumbuhan yang berbeza daripada tumbuhan ketum dari keluarga mitragyna.

Sementara itu, Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, sekiranya pokok ketum ayam itu mampu memberi pendapatan ke- pada penanam dan tidak menjadi kesalahan, kerajaan negeri ber- sedia membenarkan tanaman tersebut di negeri ini.

Katanya, pada masa ini, beliau juga tidak mengetahui keberke- sanan pokok tersebut yang dika- takan baik untuk makanan hai- wan ternakan.

"Kita tidak ada masalah jika tanaman pokok berkenaan menggantikan ketum jika ia mampu membawa pulangan dan tidak menjadi kesalahan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	THE STAR	MUKA DEPAN	1



Busy bees: Workers at a flower farm in Cameron Highlands rushing to harvest flowers to be packed and delivered before the enhanced MCO takes effect in five areas in Kampung Raja, which is home to many large vegetable and flower farms.

Bittersweet news for Cameron Highlands flower farmers

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

FLOWER growers in Cameron Highlands, Pahang are relieved after receiving news that the floral industry has been allowed to resume operations from June 12.

Human Resources Minister Datuk Seri M. Saravanan made the announcement through a video on his Facebook page, stating that the National Security Council (NSC) had granted permission for the sale of flowers for religious and

cultural purposes, with strict standard operating procedures in place.

However, the farmers' joy at being allowed to resume operations was short-lived with the government's announcement that five areas in Kampung Raja — namely Sungai Ikan, Taman Matahari Cerah, Kampung Baru Kampung Raja, Blue Valley and Taman Desa Corina — would be put under enhanced movement control order from June 14 to June 27.

Cameron Highlands Indian

Farmers Association president Mathan Subramaniam said the enhanced MCO in Blue Valley and Taman Desa Corina would affect the flower and vegetable deliveries.

Cameron Highlands is the main supplier of vegetables and flowers in the country.

"There are many vegetable and flower farms in Blue Valley, while Taman Desa Corina is the main area where loading activities are carried out.

"With these two areas closed,

deliveries of flowers and vegetables are bound to be affected.

"Nevertheless, we are grateful that the NSC has approved the resumption of the floral industry.

"Some farmers managed to harvest and arrange delivery yesterday before closing business for another two weeks," he said.

Mathan said people's safety and health were most important and that they would abide by the government's directives.

The Star had on June 5, reported on the plight of the flower growers

having to dump their harvest when their business was categorised as non-essential during the lockdown announced by the government starting June 1.

Subsequently, a *StarMetro* report on June 11 had religious leaders urging the government to allow the floral industry to resume business because many small-time flower traders were affected, resulting in a shortage of flowers for cultural and religious purposes such as funeral rites and temple rituals.